

Perang Gaza: Kebenaran pahit dan undang-undang kemanusiaan

Kedua-dua Israel dan Hamas telah lakukan jenayah perang seperti yang ditakrif undang-undang kemanusiaan antarabangsa

PANDANGAN



PROFESOR TOMMY KOH

Pertumpahan darah demi pertumpahan darah. Sudah enam minggu sejak serangan kejam oleh Hamas mengakibatkan lebih 1,200 orang terbunuh di Israel. Nasib lebih 200 tebusan masih tidak diketahui.

Sejak itu, kira-kira dua pertiga daripada penduduk Jalanan Gaza telah kehilangan tempat tinggal menyusul tindakan balas Israel terhadap serangan penganas pada 7 Oktober. Lebih 11,000 orang telah terkorban dalam pengeboman sengit dan serangan darat.

Saya adalah rakan baik dan mengagumi Encik Bilahari Kausikan, yang menulis tentang kebenaran pahit tentang dilema kejam dan kompleks perang Gaza. Saya bersetuju dengan banyak perkara dalam artikelnya.

Bagaimanapun, saya tidak bersetuju dengan kenyataannya bahawa memandangkan tindak balas Israel di Gaza, "undang-undang kemanusiaan dan undang-undang perang kurang mengikat" dan mengambil kualiti abstrak sebagai nasihat kesempurnaan". Begitu juga dengan hujah bahawa Israel "akan menghormati undang-undang kemanusiaan dan undang-undang perang setakat yang praktikal".

PENILAIAN SAYA

Tidak dinafikan serangan Hamas ke atas Israel merupakan tindakan penganasan dan harus dituntut. Saya kecewa, kerana beberapa rakan Arab dan Muslim saya enggan berbuat demikian.

Saya dengan hormatnya akan menunjukkan kepada mereka bahawa

undang-undang antarabangsa dan undang-undang kemanusiaan antarabangsa tertakluk bagi Hamas serta Israel.

Tiada siapa yang melebihi undang-undang dan Hamas mesti bertanggungjawab atas kekejaman yang dilakukannya pada 7 Oktober.

Hamas juga akan dituntut kerana merampas tebusan, termasuk kanak-kanak, pada 7 Oktober. Pengambilan tebusan dilarang undang-undang antarabangsa dan undang-undang kemanusiaan antarabangsa. Hamas harus membebaskan tebusan dengan segera dan tanpa syarat.

Bagi Israel, ia mempunyai hak mempertahankan diri daripada Hamas. Bagaimanapun, hak mempertahankan diri Israel mestilah berkadat dan tidak boleh melanggar undang-undang antarabangsa dan undang-undang kemanusiaan antarabangsa, yang bertujuan mengehadkan kesan konflik bersenjata.

Kewajipan Israel mematuhi kedua-duanya bukanlah "abstrak" atau "nasihat kesempurnaan". Ia juga tidak betul untuk mengatakan bahawa Israel akan menghormati undang-undang antarabangsa dan undang-undang kemanusiaan antarabangsa "setakat yang ia praktikal".

Kewajipan Israel untuk mematuhi kedua-dua undang-undang adalah mutlak dan bukan sahaja apabila praktikal untuk berbuat demikian.

TINDAKAN DILARANG UNDANG-UNDANG KEMANUSIAAN ANTARABANGSA

Terdapat tindakan tertentu yang dilarang undang-undang kemanusiaan antarabangsa. Ini termasuk hukuman kolektif; serangan terhadap orang awam; kemusnahan infrastruktur awam seperti sekolah, hospital dan ambulans serta bangunan perumahan; dan penafian keperluan bagi penduduk awam seperti air, makanan, ubat dan bahan api.

Serangan Israel terhadap Hamas adalah perang yang adil. Namun, nampaknya perang menentang Hamas telah berubah menjadi perang menentang rakyat Palestin di Gaza.

Israel berhujah bahawa Hamas

menggunakan orang awam sebagai perisai manusia dan apabila kemudahan awam digunakan untuk menyembunyikan anggota dan senjata mereka, maka mereka menjadi sasaran yang sah. Tetapi skala besar kemusnahan di Gaza akibat operasi ketenteraan Israel adalah tidak seimbang dengan matlamatnya untuk memusnahkan Hamas dan tidak boleh dijustifikasi.

Pertimbangan statistik mengerikan, yang telah menjadikan Gaza sebagai "kubur bagi kanak-kanak", seperti yang diungkap Setiausaha Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), Encik Antonio Guterres:

"Daripada 11,000 rakyat Palestin yang terbunuh, hampir separuh adalah kanak-kanak. Secara purata, seorang kanak-kanak dibunuh setiap 10 minit."

Semua, kecuali satu, daripada hospital di utara Gaza telah berhenti berfungsi apabila tentera Israel memasuki lebih dalam ke Gaza sementara bekalan bahan api, air, makanan serta ubat ke kawasan yang dikepung itu kian amat terhad.

Ringkasnya, tidak mungkin untuk menjustifikasi sekatan Israel atau pengeboman sekolah, hospital dan ambulans dalam usaha mencapai matlamat ketenteraannya. Hakikatnya ialah, Hamas dan Israel telah melakukan jenayah perang.

PERDAMAIAN ANTARA ISRAEL DENGAN PALESTIN

Apabila perang ini berakhir, kita mesti melancarkan inisiatif baru untuk mencapai perdamaian antara Israel dengan Palestin.

Matlamat akhir adalah jelas: Pertama, Israel mesti mempunyai hak untuk wujud dalam sempadan yang selamat dan diiktiraf di peringkat antarabangsa.

Apakah "sempadan yang diiktiraf di peringkat antarabangsa"? Ia adalah sempadan yang berlaku pada tahun 1967, sebelum apa yang dipanggil Perang Enam Hari.

Israel mesti mengembalikan kepada rakyat Palestin semua wilayah yang telah didudukinya selepas perang itu iaitu Gaza, Tebing Barat dan Baitulmak-



RANAP SEMUANYA: Begitulah pemandangan di Gaza selepas pengeboman Israel pada 15 November 2023. - Foto AFP

"Impian saya untuk mereka ialah, suatu hari kelak, Israel dan negara baru Palestin akan menjadi jiran yang baik dan akan hidup aman antara satu sama lain. Impian ini akan menjadi kenyataan, apabila terdapat pemimpin yang kuat di kedua-dua pihak yang mempunyai kemahuan dan keberanian untuk berdamai. Saya harap hari itu akan tiba tidak lama lagi."

- Penulis.

dis Timur.

Adalah perlu juga bagi setengah juta rakyat Israel meninggalkan penempatan yang dibina secara haram di tanah Palestin.

Matlamat kedua ialah agar rakyat Palestin mempunyai negara sendiri. Hanya apabila rakyat Palestin dibebaskan daripada penjajahan Israel dan dapat mentadbir sendiri, barulah keamanan dapat dikecapi Israel.

Dalam tulisannya, Encik Kausikan memandangkan Palestin yang menleka akan menjadi "satu lagi negara Dunia Ketiga yang korup dan ditadbir dengan teruk".

Ini adalah satu kenyataan yang terlalu bernas. Saya juga ingin menyatakan bahawa terdapat beberapa negeri yang korup dan ditadbir dengan teruk dalam Dunia Pertama.

Rakyat Palestin telah menunggu sejak 1947, untuk mempunyai negara sendiri. Sudah tiba masanya bagi dunia dan Israel memenuhi aspirasi mereka. Kita seharusnya mengharapkan kesejahteraan bagi rakyat Palestin dan tidak mematahkan semangat mereka.

Saya masih ingat bahawa Encik Yasser Arafat, pemimpin Pertubuhan Pembebasan Palestin (PLO) yang su-

dah meninggal dunia, pernah menyatakan impiannya agar Palestin menjadi seperti Singapura di Timur Tengah. Saya berharap suatu hari nanti, impian Encik Arafat akan menjadi kenyataan.

Orang Yahudi telah mengalami diskriminasi dan penganiayaan selama beribu-ribu tahun.

Selapas kejadian ngeri *Holocaust*, di mana berjuta-juta orang Yahudi terbunuh, saya memahami dan memahami aspirasi mereka untuk memiliki tanah air mereka sendiri.

Saya menyokong hasrat warga Israel untuk hidup aman dan selamat. Masalahnya ialah, dalam menubuhkan negara baru Israel di Palestin, ramai warga Arab Palestin terpaksa melarikan diri atau diusir dari kediaman dan tanah mereka.

Pemerintah negara-negara Arab telah melakukan beberapa kesilapan, dengan mengorbankan rakyat Palestin.

Pada 1947, mereka menolak rancangan PBB membahagikan tanah Palestin kepada dua negara, satu untuk orang Arab dan satu untuk orang Yahudi. Mereka berperang menentang Israel, pada 1948, 1967 dan 1973. Rakyat Palestin telah menderita akibat peperangan tersebut.

Baru-baru ini pula, di bawah Perjanjian Abraham, beberapa negara Arab seperti Bahrain, Amiriah Arab Bersatu (UAE) dan Maghribi, menjalin hubungan diplomatik dengan Israel.

Tetapi dalam menormalkan hubungan dengan Israel di bawah pemerintah sayap kanan Encik Benjamin Netanyahu, yang tidak menghiraukan penyelesaian dua negara seperti yang dibayangkan dalam Perjanjian Oslo 1993, mereka juga telah mengetepikan isu Palestin ini.

Perang Israel-Hamas mengingatkan dunia bahawa konflik Israel-Palestin masih belum selesai.

Sejak 1967, rakyat Palestin hidup di bawah pemerintahan Israel yang bersifat menindas. Seperti kita semua, rakyat Palestin ingin bebas; mereka ingin mempunyai negeri sendiri dan mentadbir diri mereka sendiri.

Tidak ada perancangan dengan saya menyokong kedua-dua Israel dan Palestin. Saya menyokong aspirasi rakyat Israel untuk hidup dengan aman dan selamat. Dan saya menyokong aspirasi rakyat Palestin untuk memiliki negara sendiri dan bebas daripada pemerintahan Israel.

Impian saya buat mereka ialah, suatu hari kelak, Israel dan negara baru Palestin akan menjadi jiran yang baik dan akan hidup aman antara satu sama lain.

Impian ini akan menjadi kenyataan, apabila terdapat pemimpin yang kuat di kedua-dua pihak yang mempunyai kemahuan dan keberanian untuk berdamai.

Saya harap hari itu akan tiba tidak lama lagi.

► Penulis ialah pengerusi panel penasihat antarabangsa Pusat Undang-undang Antarabangsa di Universiti Nasional Singapura.